

|            |               |             |                     |
|------------|---------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Lelehan nanah |             |                     |
| MediaTitle | Metro Ahad    |             |                     |
| Date       | 19 Aug 2012   | Color       | Black/white         |
| Section    | Kesihatan     | Circulation | 314,321             |
| Page No    | f8            | Readership  | 1,964,000           |
| Language   | Malay         | ArticleSize | 194 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A           | AdValue     | RM 3,984            |
| Frequency  | Daily         | PR Value    | RM 11,952           |



# Lelehan nanah

## Soalan

**S**AYA pernah melakukan seks anal bersama pasangan. Setelah beberapa hari, saya dapat cecair seperti nanah keluar melalui saluran kencing. Saya juga berasa pedih ketika membuang air kecil.

Tanpa berlengah, saya berjumpa doktor untuk menjalani pemeriksaan. Doktor memaklumkan saya mungkin mendapat jangkitan chlamydia lalu memberi ubat antibiotik Clavomid 625.

Untuk pengetahuan doktor, pasangan saya menghadapi buasir dan kini mengambil ubat seperti diberikan doktor. Selain itu pasangan saya mendapati gusinya bengkak.

Adakah pasangan juga menghadapi jangkitan seperti saya dihadapi? Adakah saya berpotensi dijangkiti penyakit kritikal disebabkan jangkitan ini dan adakah antibiotik yang diberikan kepada saya mampu memulihkan penyakit ini?

Adakah pasangan perlu mengambil ubat antibiotik seperti saya ambil dan apakah kesan jangkitan ini?

**HARY  
Perlis**

## Jawapan

**KERESAHAN** anda bermula

apabila mendapati cecair seperti nanah keluar dari salur kencing secara rambang dan mula rasa sakit ketika kencing.

Ini petanda anda mengalami radang salur kencing dan anda kaitkannya dengan hubungan seksual liwat yang anda lakukan bersama pasangan.

Jika tidak melakukan hubungan seksual selain dengan pasangan, kemungkinan besar anda mengalami jangkitan itu daripada pasangan anda.

Persoalannya, jangkitan apa yang anda alami? Cara terbaik untuk mengetahui jangkitan itu ialah dengan melakukan ujian terhadap cecair yang keluar dari zakar anda bagi mengetahui jenis jangkitannya.

Sedikit kesan liwat dari lubang najis pasangan juga boleh diambil untuk dikaji. Anda dan pasangan juga boleh menjalani ujian darah untuk meneliti sama ada terdedah kepada jangkitan lain seperti chlamydia.

Selepas pemeriksaan dan ujian darah itu, baru anda boleh tahu jenis jangkitan dialami dan rawatan yang perlu diberi kepada anda serta pasangan.

Apapun, daripada pengala-

man ini, anda dan pasangan mendapat pengajaran bahawa seks melalui lubang najis mengundang pelbagai risiko.

Apa yang terjadi akan membuatkan anda serik untuk mengulangi perbuatan itu lagi. Mungkin selama ini anda hanya mahukan keseronokan bersetubuh melalui lubang najis dan ingin mencubanya, tetapi inilah musibahnya.

Anda perlu tahu, lubang najis mempunyai banyak kuman, kulat dan parasit kerana ia tempat paling kotor, sedangkan faraj pula tempat paling sesuai untuk zakar.

Bagaimanapun, jangan risau kerana semua jangkitan penyakit kelamin, kecuali virus HIV, ada penawarnya. Virus lain seperti hepatitis B, HSV (kayap) dan HPV (ketuat) juga ada rawatannya.

Jadi rawatan yang anda dapat mungkin untuk permulaan dan selepas menjalani ujian yang saya jelaskan tadi, baru anda menerima rawatan sewajarnya.

Jika ubat diberi habis dan masih ada lelehan keluar dari salur kencing, anda perlu rujuk kepada pakar untuk menjalani pemeriksaan lebih teliti dan mendapat rawatan sewajarnya.